



**PERUTUSAN  
YBHG. DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI  
DATUK BANDAR  
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

**MESYUARAT MAJLIS PENUH BIL.12/2022  
PADA 29 DISEMBER 2022 (KHAMIS) JAM 9.30 PAGI**

**BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM**

Assalamualaikum WBT

Salam Sejahtera dan Salam Bersih. Muafakat dan Sejahtera.

1. Yang dihormati barisan Ahli Majlis, Setiausaha Majlis, Ketua Jabatan dan Ketua Unit, Pembantu Ahli Majlis, rakan media serta para hadirin yang saya hormati sekalian.
  
2. Saya juga mengalu-alukan kehadiran YB:
  - I. YB Tuan Loke Siew Fook, Ahli Parlimen Seremban;
  - II. YB Tuan Cha Kee Chin, Ahli Parlimen Rasah;
  - III. YB Tuan Haji Suhaimi bin Kassim, ADUN Lenggeng;
  - IV. YB Tuan Gunasekaran a/l Palasamy, ADUN Seremban Jaya;
  - V. YB Tuan Yap Yew Weng, ADUN Mambau;
  - VI. YB Tuan Ng Chin Tsai, ADUN Temiang;
  - VII. YB Puan Mary Josephine Prittam Singh, ADUN Rahang
  - VIII. YB Tuan Chew She Yong, ADUN Lobak

3. Alhamdulillah, puji dan syukur kepada Ilahi di atas pelbagai kurniaan dan anugerah yang tidak terhitung buat kita semua. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, keluarga dan sahabat Baginda serta mereka yang mengikut jejak langkah Baginda hingga ke hari kesudahan.

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

4. Hanya tinggal berbaki 2 hari sahaja lagi 2022 bakal melabuhkan tirai dan kita bakal melangkah ke tahun 2023. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Ahli-Ahli Majlis, Ketua-Ketua Jabatan, Ketua Unit dan seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Seremban yang telah bekerjasama sepanjang tahun ini bagi memberikan komitmen yang baik kepada saya untuk bersama-sama memajukan lagi Majlis Bandaraya Seremban.
5. Apabila berakhirnya tahun 2022, maka bermulalah lembaran baharu untuk kita merencanakan perancangan kerja bagi tahun 2023 agar pelaksanaan kerja yang telah dirancang berjalan dengan lancar pada tahun 2023. Saya berharap segala perancangan yang telah kita lakukan pada tahun 2022 akan mula bergerak menjelang tahun 2023.
6. Untuk pengetahuan semua, Majlis Bandaraya Seremban telah membuat perancangan bagi tahun 2023 yang berimpak tinggi dan selari dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). Majlis Bandaraya Seremban akan melaksanakan 4 Pelan yang dibangunkan iaitu :-

- i. Pelan Strategik Tahun 2021 – 2025 ;
  - ii. Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Majlis Bandaraya Seremban 2022 - 2026 ;
  - iii. Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) Majlis Bandaraya Seremban 2021-2025 ;
  - iv. Pelan Tindakan Bandar Pintar dan Bandar Rendah Karbon Seremban 2027.
7. Pelan ini akan memandu gerak kerja Majlis Bandaraya Seremban bagi mencapai bandar pintar atau dikenali sebagai “*Smart City*” dapat direalisasikan. Mentaliti dan anjakan paradigma ke arah budaya kerja yang lebih positif adalah penting bagi memastikan segala perancangan dapat dicapai menjelang tahun 2025.

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

8. Saya amat berpuas hati dan berbangga dengan pencapaian yang ditunjukkan oleh Jabatan dan Unit sepanjang tahun 2022 serta saya berharap momentum kecemerlangan ini dapat diteruskan pada tahun 2023 nanti. Melalui pembangunan Pelan Strategik Majlis Bandaraya Seremban, saya yakin dan percaya perancangan yang dihasilkan adalah tepat pada waktunya dalam usaha meneraju Majlis Bandaraya Seremban untuk menghasilkan perkhidmatan secara profesional, cemerlang dan berkualiti.

YBhg. Dato, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

9. Suka untuk saya kongsi di sini antara kejayaan terbesar bagi Majlis Bandaraya Seremban bagi tahun 2022 ialah Projek Program Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM) Bagi Tahun 2022. Projek ini merupakan projek menyelenggaran atau baikpulih kerosakan harta bersama skim strata kos rendah dan sederhana rendah swasta melibatkan lokasi di Rumah Pangsa Taman Bukit Berlian Blok A, B, C dan D. Antara skop penyelenggaraan tersebut ialah mengganti keseluruhan bumbung melibatkan kos sebanyak RM448,000.00 dan ianya telah siap sepenuhnya pada 30 Oktober 2022.
  
10. Selain daripada itu, Majlis Bandaraya Seremban juga telah menyelenggara dan membaikpulih kerosakan di Rumah Pangsa Taman Bunga Blossom melibatkan kerja-kerja penggantian keseluruhan bumbung telah siap sepenuhnya pada 16 Oktober 2022 yang lalu. Majlis Bandaya Seremban melalui Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB) mensasarkan untuk melaksanakan projek penyelenggaraan harta bersama skim strata kos rendah dan sederhana rendah swasta di kawasan Majlis Bandaraya Seremban mengikut syarat dan skop yang ditetapkan oleh kerajaan melalui peruntukkan TPPM.

11. Selain itu projek penyelenggaraan ini diharap dapat memberikan keselesaan dan meningkatkan kualiti hidup kepada penduduk di skim strata terlibat, disamping dapat memberikan imej yang baik kepada Majlis Bandaraya Seremban.

*Sumber : Unit COB*

12. Pada tahun ini juga, Majlis Bandaraya Seremban juga telah membaikpulih cerun runtuh di Jalan Teratai 1, Taman Marida, Seremban. Kerja-kerja baikpulih tersebut telah sepenuhnya peruntukan daripada Majlis Bandaraya Seremban melibatkan kos sebanyak RM2.5 juta. Majlis Bandaraya Seremban menggunakan sepenuhnya hasil yang diperolehi daripada pembayar Cukai Taksiran untuk faedah warga bandar raya Seremban.

*Sumber : Jabatan Kejuruteraan*

13. Majlis Bandaraya Seremban juga telah melaksanakan kerja-kerja pembersihan *Sprint Cleaning* Longkang Monsun melibatkan 21 longkang monsun dengan jumlah panjang longkang 10,562 meter. Majlis Bandaraya Seremban akan menyerahkan 21 lokasi kerja-kerja pembersihan secara berkala kepada pihak SWCORP setelah kerja-kerja pembersihan *sprint cleaning* dilakukan. Kawasan yang terlibat adalah seperti dipaparan.

- i. Longkang monsun Jalan Labu, Ainsdale ;
- ii. Longkang monsun Taman Senangin ;
- iii. Longkang monsun Desa Casuarina ;
- iv. Longkang monsun Desa Kolej ;
- v. Longkang monsun Taman Bukit Mantin ;
- vi. Longkang monsun Persimpangan Mantin Lenggeng ;
- vii. Longkang monsun Industrial Oakland Seremban ;
- viii. Longkang monsun Persiaran Forest Height 1, Seremban ;
- ix. Longkang monsun Persiaran Senawang 2, Seremban ;
- x. Longkang monsun Taman Chip Aik, Seremban ;
- xi. Longkang monsun Jalan Tok Ungku, Seremban ;
- xii. Longkang monsun Jalan Tun Dr. Ismail, Seremban ;
- xiii. Longkang monsun Kawasan Perusahaan Taman Tasik Jaya, Seremban ;
- xiv. Longkang monsun Jalan Seremban – Tampin ;
- xv. Longkang monsun Taman Dusun Setia, Seremban ;
- xvi. Longkang monsun Taman Sri Penaga ;
- xvii. Longkang monsun Sikamat Akasia Country Heights, Seremban ;
- xviii. Longkang monsun Jalan Tuanku Kursiah, Seremban ;
- xix. Longkang monsun Jalan Sri Pulai, Seremban ;
- xx. Longkang monsun Persiaran Seremban 3, Seremban ;
- xxi. Longkang monsun Industri Batu 8, Mantin

*Sumber : Jab. Pembersihan dan Kesihatan Persekitaran*

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

14. Suka untuk saya kongsi di sini bahawa Majlis Bandaraya Seremban telah menjalankan pemutihan bagi penggunaan kawasan awam seperti kaki lima, lot tepi, siar kaki dan tempat letak kenderaan. Pemohon perlu mengemukakan permohonan permit sementara kawasan awam di mana syarat yang diperlukan adalah pemohon perlu mendapatkan insurans tanggungan awam selepas mendapat kelulusan daripada pihak Majlis Bandaraya Seremban.

*Sumber : Jab. Pembersihan dan Kesihatan Persekitaran*

15. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jabatan Kewangan selaku Jabatan sokongan utama di Majlis Bandaraya Seremban kerana telah mengutip 85% Cukai Taksiran bagi bil semasa 2022. Sehingga 25 Disember 2022, prestasi kutipan Cukai Taksiran Majlis Bandaraya Seremban adalah seperti berikut :-

15.1 Cukai Taksiran

Sasaran 85% Bil Semasa 2022 (RM119,408,537.41)

Prestasi = RM117,938,418.63 (83.95%)

15.2 Sasaran 30% Kutipan Tunggakan (RM24,087,869.44)

Prestasi = RM18,240,785.02 (22.75%)

15.3 Sasaran 100% Bajet Cukai (RM135,839,200.00)

Prestasi = RM136,603,324.06 (100.56%)

15.4 Sasaran Terimaan Hasil 100% (RM194,680,000.00)

Prestasi = RM200,597,970.32 (103.04%)

15.5 Belanja Mengurus (RM194,445,000.00)

Prestasi = RM179,231,977.14 (92.18%)

15.6 Belanja Pembangunan (RM10,790,000.00)

Prestasi = RM5,323,764.08 (49.34%)

*Sumber : Jabatan Kewangan*

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

16. Semasa ucapan amanat saya pada awal tahun 2022, saya telah lontarkan enam (6) teras perancangan strategik iaitu :-

- i. Menyediakan perkhidmatan yang efisien kepada pelanggan ;
- ii. Bandar raya rendah karbon, bandar pintar dan pembangunan mampan ;
- iii. ICT dan inovasi pemaju perkhidmatan bandaraya ;
- iv. Perkongsian pintar komuniti dan pihak berkepentingan ;
- v. Pengurusan yang dinamik dan berintegriti ;
- vi. Memperkasa pengurusan kewangan



Teras ini disediakan bagi memandu warga kerja Majlis Bandaraya Seremban ke arah sasaran kerja yang lebih produktif dan berkualiti selaras dengan perkhidmatan yang disediakan. Saya menyeru agar warga kerja Majlis Bandaraya Seremban perlu mempunyai daya pemikiran yang kreatif *“think out of the box”* dan tidak terbatas dengan perkhidmatan yang sedia ada.

17. Pelan Strategik Majlis Bandaraya Seremban 2021 – 2025 adalah penting bagi meneruskan kecemerlangan Majlis Bandaraya Seremban untuk tempoh lima tahun yang menyatakan perancangan dan gerak kerja serta komitmen oleh Jabatan dan Unit dalam melaksanakan dan mencapai Visi serta Misi Majlis Bandaraya Seremban. *Viktor Frankl said “When We Are No Longer Able to Change A Situation, We Are Challenged To Change Ourselves.”* Sehubungan dengan itu, ambillah pengajaran dari apa yang dilihat dan didengar pada tahun ini dan seterusnya pertingkatkan kualiti sistem pencapaian dan perkhidmatan yang sedia ada demi kebaikan warga Bandar Raya Seremban.

## **PELAPORAN JABATAN**

### **BENKEL PENGUATKUASAAN AKTA PENGURUSAN STRATA 2013 (AKTA 757) DAN PERATURAN-PERATURAN PENGURUSAN STRATA 2013 (PENYENGGARAAN DAN PENGURUSAN 2015)**

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

18. Pada 23 sehingga 25 November 2022, Unit Pesuruhjaya Bangunan Majlis Bandaraya Seremban telah mengadakan Bengkel Penguatkuasaan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) dan Peraturan-Peraturan Pengurusan Strata 2013 (Penyenggaraan Dan Pengurusan) 2015 di Johor Bahru. Tujuan seminar ini diadakan adalah untuk memberi latihan dan pendedahan spesifik kepada Pegawai dan kakitangan Majlis Bandaraya Seremban bagi penyediaan kertas siasatan untuk tujuan pengkompaunan mengikut Akta 757.
  
19. Selain itu, bengkel ini menjadi platform untuk pihak Majlis Bandaraya Seremban menimba ilmu dan pengalaman daripada amalan terbaik pengurusan dan penguatkuasaan Akta 757 oleh Perbadanan Pengurusan Pangsapuri Orkid di bawah Majlis Bandaraya Johor Bahru yang mendapat pensijilan MS ISO 9001:2015.

20. Seminar ini juga diadakan adalah untuk memberi latihan dan pendedahan spesifik kepada pengurusan siasatan dan pertuduhan bagi penyediaan kertas siasatan untuk tujuan pengkompauan mengikut Akta 757. Majlis juga bercadang akan membawa JMB / MC yang berpotensi melawat ke Pangsapuri Orkid bagi mempelajari pengurusan dan penguatkuasaan daripada Perbadanan Pengurusan tersebut.

*Sumber : Unit COB*

### **KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK)**

21. Pada 23 sehingga 25 Ogos 2022, seramai 11 orang kakitangan daripada Jabatan Taman & Landskap telah menyertai Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) di Wisma Negeri. Majlis Bandaraya Seremban telah berjaya merangkul tempat pertama dalam Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam Negeri Sembilan. Penyampaian hadiah telah dilakukan oleh YB Dato' Dr. Razali bin Ab Malik, Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan bersama-sama dengan Ahli Pasukan Tangan Hijau Jabatan Taman & Landskap, Majlis Bandaraya Seremban.
22. Inovasi yang dihasilkan bolehlah dikongsikan di mana-mana pameran / booth Majlis Bandaraya Seremban pada masa akan datang.

*Sumber : Jab. Taman & Landskap*

## **KURSUS PENYELENGGARAAN LANDSKAP & ARBORIKULTUR**

23. Pada 15 sehingga 17 November 2022 yang lalu, Jabatan Taman & Landskap telah menganjurkan Kursus Penyelenggaraan Landskap dan Arborikultur di Klana Resort Seremban dan Taman Malaysia. Seramai 80 orang peserta telah menyertai kursus ini dan sijil penyertaan telah disampaikan kepada semua peserta serta mata CCD diberikan sebanyak 25 mata oleh pihak CIDB.

*Sumber : Jab. Taman & Landskap*

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

## **PROSES BIL CUKAI TAKSIRAN TAHUN 2023**

24. Majlis Bandaraya Seremban telah memproses bil Cukai Taksiran melibatkan Jabatan Kewangan dan Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi bagi penggal pertama dan penggal kedua pada 4 Disember 2022 melibatkan bil Cukai Taksiran Tahun 2023. Proses ini dijalankan setiap tahun merangkumi pengemaskinian data akaun pemilik harta dan maklumat bayaran serta edaran bil secara serahan tangan kepada pemilik harta. Bermula tahun 2023, bil Cukai Taksiran bagi penggal 1 dan penggal 2 akan dicetak sekali sahaja setahun tertakluk sekiranya ada perubahan atau pindaan pada akaun tersebut.

25. Ini adalah antara usaha Majlis Bandaraya Seremban untuk mendekati warga bandar raya supaya mereka lebih peka terhadap tanggungjawab dalam memastikan mereka terus mengecapi perkhidmatan perbandaran yang membangun pada masa akan datang. Sehubungan dengan itu, saya mohon Ahli Majlis, Pembantu Ahli Majlis dan pihak media untuk menguarkannya-perkara ini agar warga Bandar Raya Seremban maklum mengenai perkara ini.
26. Majlis Bandaraya Seremban juga melaksanakan Kutipan Kaunter Bergerak Cukai Taksiran pada 1 November 2022 di Bandar Enstek dan Timur Enstek. Majlis mensasarkan 1,006 bilangan akaun dengan jumlah tunggakan sebanyak RM833,595.70 Majlis telah berjaya mengutip 73 akaun dengan jumlah kutipan RM23,838.53
27. Selain itu, Pada 1 November 2022 sehingga 30 November 2022, Majlis Bandaraya Seremban juga telah mengadakan Kutipan Kaunter Bergerak Sewaan di Medan Selera Penghulu Cantik, Bazar Lee Sam dan PPR Paroi serta PPR Lobak. Majlis mensasarkan 2,173 bilangan akaun dengan jumlah RM432,345.70 dan sebanyak 219 bilangan akaun telah berjaya dikutip dengan jumlah RM36,838.00

*Sumber : Jabatan Kewangan*

## **PEMASANGAN KOD QR DI PASAR DAN GERAI KAWASAN MAJLIS**

28. Majlis Bandaraya Seremban telah memasang Kod QR di pasar dan gerai dalam kawasan Pentadbiran Majlis bagi memudahkan penyewa untuk membuat semakan bil sewaan dan bayaran secara atas talian (*online*). Terdapat 12 lokasi pasar dan 44 lokasi gerai dalam kawasan Seremban dan Nilai yang dicadangkan untuk pemasangan Kod QR antaranya ialah :-

- i. Gerai Lama Mantin;
- ii. Gerai Baru, Mantin;
- iii. Gerai di Gedung Lalang; dan
- iv. Pasar Mantin

*Sumber : Jabatan Kewangan*

## **PELAPORAN JABATAN PEMBERSIHAN DAN KESIHATAN PERSEKITAN**

29. Sehingga 10 Disember 2022, Majlis Bandaraya Seremban telah menjalankan aktiviti kawalan fogging ke atas 60,351 premis, ULV 110,882 premis, *larvaciding* 92 lokaliti, *source reduction* 92 lokaliti dan gotong-royong ke atas 118 taman perumahan. Sehingga 14 Disember 2022 juga, sebanyak 540 sanitasi dan 619 disinfeksi telah dijalankan oleh Majlis Bandaraya Seremban.

30. Sehingga 18 Disember 2022, sebanyak 297 kematian biasa dan 531 kematian akibat COVID-19 telah direkodkan di Tanah Perkuburan Islam Ainsdale. Bagi Tanah Perkuburan Kristian Sendayan pula, sebanyak 159 kematian biasa dan 24 kematian akibat COVID-19 telah direkodkan. Bagi Tanah Perkuburan Islam Nilai, tiada jenazah dikebumikan di tanah perkuburan ini.
  
31. Jabatan Pembersihan dan Kesihatan Persekitaran telah mengadakan Bengkel Semakan Semula Syarat Permit Sementara Kawasan Awam, Permurnian Lesen Hiburan Awam (Siri 3) dan Syarat Lesen Perniagaan Yang Dijalankan Oleh Bukan Warganegara Malaysia (Siri 2) pada 8 hingga 10 Disember 2022 di Hotel Melia Kuala Lumpur yang dihadiri oleh Tuan Setiausaha dan Ahli-Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Seremban, Pegawai dan Kakitangan daripada Jabatan Undang-Undang & Penguatkuasaan serta Jabatan Perancangan Pembangunan MBS.
  
32. Pada 16 Disember 2022, Majlis "*Hi-Tea*" Penghargaan Anugerah Medan Selera Bersih, Selamat dan Sihat Peringkat Negeri dan Kebangsaan Bagi Tahun 2022 telah diadakan di Medan Selera Penghulu Cantik. Majlis ini adalah untuk meraikan peniaga-peniaga Medan Selera Penghulu Cantik dan semua yang terlibat dalam Pertandingan Anugerah Medan Selera Bersih, Selamat dan Sihat Peringkat Negeri Sembilan Tahun 2022 kategori milik PBT/Agensi Kerajaan.

33. Majlis Bandaraya Seremban telah mendapat tempat ketiga dalam pertandingan tersebut dan majlis penyampaian hadiah telah diadakan di Dewan Sri Melati, Pusat Persidangan Perbadanan Putrajaya. Medan Selera Penghulu Cantik telah menerima wang tunai berjumlah RM2,000.00 beserta sijil penghargaan. Turut hadir semasa majlis berlangsung ialah YBhg. Dato' Dr. Harlina bt Abdul Rashid (Pegarah Kesihatan Negeri Sembilan), Dr. Noor Khalili bin Mohd Ali (Pegawai Kesihatan Daerah Seremban), En. Abdul Malek bin Adam (Ahli Majlis MBS), Tuan Mas Midyawan bin Yahya (Setiausaha MBS), Pembantu Ahli Majlis, Ketua Jabatan dan Ketua Unit MBS.

*Sumber : Jab. Pembersihan dan Kesihatan Persekitaran*

## **PENUTUP**

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

34. Saya percaya bahawa kejayaan hanya akan datang dengan usaha dan usaha hanya mampu dilipatgandakan dengan kerjasama berpasukan. Saya mengharapkan agar amalan kerja berpasukan yang diberikan oleh barisan Ahli Majlis dan warga kerja Majlis Bandaraya Seremban dapat diteruskan bagi tahun 2023 nanti. Peranan Ahli Majlis sebagai penggubal dasar dan menjadi mata serta telinga masyarakat tidak boleh dinafikan. Ahli-Ahli Majlis telah menunjukkan komitmen yang sangat cemerlang membawa segala permasalahan masyarakat kepada pengetahuan Majlis Bandaraya Seremban untuk diselesaikan dan diatasi secara bersama.



35. Saya meminta warga kerja Majlis Bandaraya Seremban lebih proaktif dalam menyelesaikan aduan agar *stakeholder* lebih yakin dengan perkhidmatan Majlis Bandaraya Seremban daripada tahun sebelumnya. Saya juga berharap warga kerja MBS supaya lebih bersemangat untuk kekal memberikan komitmen yang terbaik dalam apa juga tugas yang diamanahkan. Saya memohon kepada Allah SWT supaya usaha kita sentiasa diberkati dan dipermudahkan segala urusan.
  
36. Sesungguhnya tingkah laku yang utuh dan tahap disiplin yang tinggi dalam melaksanakan tugas amat diharapkan demi menjayakan inisiatif yang telah dirangka oleh Majlis Bandaraya Seremban kerana "*self-government won't work without self-discipline*". Sikap positif, disiplin dan budaya kerja cemerlang ini sebenarnya wajar menjadi pegangan kepada semua warga kerja Majlis Bandaraya Seremban. Kesiediaan untuk melakukan penajajaran dan penyesuaian cara kerja, kepantasan melakukan adaptasi dengan perubahan sememangnya diperlukan bagi memastikan Majlis Bandaraya Seremban terus berkembang maju pada masa akan datang.

37. Sebelum saya mengakhiri perutusan saya pada pagi ini saya ingin mengucapkan terima kasih kepada warga bandar raya Seremban yang sentiasa menjaga kebersihan bandar dan menjelaskan Cukai Taksiran serta bayaran lesen. Saya juga mengalu-alukan warga bandar raya Seremban untuk mengemukakan aduan melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) Majlis Bandaraya Seremban atau muat turun secara percuma Aplikasi Respons Rakyat ataupun hubungi talian Call Centre di 06-7654444. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2023.

Sekian, terima Kasih.

**DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI**  
**DATUK BANDAR**  
**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN  
29 DISEMBER 2022